

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan berikut:

| Bil. | Jawatan   | Kelayakan  |
|------|---|--|
| 5.   | Saintis/Teknologis (Seksyen Mass Spectrometry Technology) (Gred 6-11 – Jawatan Tetap) (Institut Genom Malaysia – Bangi, Selangor) | <p>Deskripsi Tugas:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bertanggungjawab dalam mengendalikan peralatan Liquid Chromatography dan Mass Spectrometry beresolusi tinggi (LCMS/MS) untuk analisis proteomik dan metabolomik serta peralatan yang berkaitan;</li> <li>2. Bertanggungjawab untuk menjalan proses penyediaan sampel sebelum analisis LCMS/MS;</li> <li>3. Memberikan perkhidmatan penganalisan data mentah dan interpretasi data penyelidikan kepada pelanggan;</li> <li>4. Bertanggungjawab dalam perkerjaan rutin seperti melakukan proses kalibrasi dan pembersihan peralatan LCMS/MS;</li> <li>5. Merancang dan menjalankan tugas-tugas penyelidikan termasuk menyediakan kertas cadangan projek penyelidikan dan memohon geran penyelidikan dan menjalankan kerja-kerja penyelidikan;</li> <li>6. Menyediakan laporan kemajuan penyelidikan serta pembentangan kerja setiap 6 bulan bagi projek-projek penyelidikan;</li> <li>7. Melaksanakan aktiviti pembangunan produk dan pengkomersilan produk penyelidikan atau aktiviti perkhidmatan;</li> <li>8. Membuat permohonan perolehan alatan makmal, bahan kimia dan bahan pakai habis yang diperlukan untuk melaksanakan kerja;</li> <li>9. Bertanggungjawab dalam menjalankan projek penyelidikan bersama universiti atau institusi luar dan dalam negara;</li> <li>10. Terlibat dalam program Latihan atau Bengkel sebagai fasilitator/pelatih atau menjadi urusetia dalam persidangan;</li> <li>11. Menghadiri seminar, bengkel, pameran, persidangan yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang berkaitan;</li> <li>12. Bertanggungjawab memastikan makmal berada dalam keadaan selamat bagi menjalankan penyelidikan;</li> <li>13. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.</li> </ol> <p>Kelayakan dan Pengalaman:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang Bioteknologi/ Molekul/Biologi/ Biokimia/Mikrobiologi/Genetik/Bioinformatik/Biologi Perkomputeran atau yang setara dan diiktiraf oleh kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara;</li> <li>2. Calon yang memiliki Ijazah Sarjana / Doktor Falsafah (PHD) merupakan satu kelebihan;</li> <li>3. Perlu memberikan maklumat lengkap seperti senarai Projek Penyelidikan, Penerbitan, Harta Intelek (IP) , pencapaian serta sumbangan dalam resume yang dihantar;</li> <li>4. Memiliki sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman dalam bidang berkaitan; dan</li> <li>5. Boleh menjalankan kerja di bawah pengawasan minimum.</li> </ol> |

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan yang telah disahkan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,  
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**  
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,  
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),  
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.  
Tel : 03-8949 5687  
Emel : [recruitment@nibm.my](mailto:recruitment@nibm.my)

Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan: **7 Disember 2018**